

KEPERIBADIAN MAHATHIR TINGGI, KATA TOKOH GURU

BH 17 MAY 1982

KUALA LUMPUR, Ahad -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah anak murid Tokoh Guru 1982, Encik Mohd. Zain Abdul Rashid ketika menuntut di Maktab Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah.

Di samping itu, Sultan Kedah dan Raja Muda Kedah juga pernah menjadi muridnya di maktab yang sama.

Ketika ditemui selepas dianugerahkan Pingat Emas Tokoh Guru oleh Menteri Pelajaran, Datuk Dr. Sulaiman Daud sempena Perayaan Hari Guru 1982 di sini, hari ini, beliau berkata:

"Datuk Seri Dr. Mahathir adalah seorang murid yang amat pemalu dan suka mengelakkan diri serta sering membawa beg yang besar dan berat.

"Tapi dalam beg itu penuh diisi buku-buku kerana beliau gemar membaca dan tidak suka membuang masa," katanya.

Encik Mohd Zain, 69 tahun yang kelihatan cergas berkata, keperibadian Datuk Seri Dr. Mahathir cukup tinggi dan mempunyai tokoh sebagai pemimpin.

"Saya berbangga beliau kini menjadi Perdana Menteri," katanya sambil berharap Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad masih mengingatnya.

Encik Mohd. Zain yang dilahirkan di Balik Pulau, Pulau Pinang mendapat didikan awal di Sekolah Melayu Sungai Rusa, Pulau Pinang.

Selepas menamatkan pelajaran di Sekolah Penang Free tahun 1936, beliau mengajar di

Maktab Sultan Abdul Hamid sehingga tahun 1955.

Pada tahun yang sama, Encik Mohd. Zain bertolak ke Maktab Perguruan di Brinsford Lodge, England untuk berkhidmat sebagai pensyarah di bidang pengajian Melayu.

Beliau pulang ke tanah air tahun 1957 untuk memegang jawatan Pen-

syarah Kanan Maktab Perguruan Sultan Idris sehingga akhir 1959.

Selepas itu, beliau dinaikkan pangkat memegang jawatan pengetua maktab tersebut selama 10 tahun.

Encik Mohd. Zain yang berkhidmat di bidang pendidikan selama 36 tahun juga aktif dalam persatuan dan

pengakap.

Dalam tahun-tahun 50-an, beliau dilantik menjadi Penolong Pesuruh Jaya Daerah Pengakap kawasan Kota Setar dan memegang 'woodbadge'.

Tokoh Guru itu sekarang menetap di Kuala Lumpur bersama isterinya, Puan Rahmah Haji Puteh. Beliau dikurniakan lapan anak dan tujuh cucu.